

# Dana tanggung kos haji tak jejas pendeposit TH

BERITA HARIAN 22/1/2024 M/S: 8

**Seremban:** Dana RM350.1 juta yang diperuntukkan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi menanggung kos kewangan jemaah haji tahun ini tidak menjejaskan kepentingan pendeposit, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan.

Beliau berkata, TH mempunyai keupayaan dari segi kewangan melalui sumber sendiri untuk membantu jemaah haji tahun ini, sekali gus pendeposit tidak perlu bimbang kerana agensi itu juga sudah mengambil kira keseluruhan risiko dan faktor dalam menyalurkan bantuan kewangan untuk jemaah haji.

“TH ambil kira keseluruhan risiko dan faktor dalam melaksanakan kaedah bantuan kepada jemaah haji supaya tidak mengganggu atau menyusahkan pendeposit yang ada.

“Insya-Allah, walaupun kita memperuntukkan (bantuan kepada bakal jemaah), kebajikan dan hak pendeposit tidak akan berkurangan atau diganggu.


“Justeru, pendeposit TH tidak

perlu bimbang kerana wang simpanan dijamin,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Kursus Asas Haji Peringkat Daerah Seremban di Masjid Kariah Taman Paroi Jaya, di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kebimbangan pendeposit TH susulan langkah diambil agensi itu yang mengeluarkan pembiayaan RM350.1 juta untuk Bantuan Kewangan Haji Bersasar kepada bakal haji Muassasah merangkumi kalangan B40 dan M40.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Syed Hamadah Syed Othman, dilaporkan berkata bantuan itu diteruskan tahun ini dengan kos untuk seorang bakal haji Muassasah meningkat sebanyak lapan peratus, iaitu kepada RM33,300 berbanding RM30,850 pada tahun lalu.

Dengan bantuan itu, bayaran untuk seorang bakal haji Muassasah daripada B40 yang pertama kali menunaikan haji ditetapkan RM12,356, manakala



Zulkifli (dua dari kanan) pada Majlis Penutup Kursus Asas Haji Peringkat Daerah Seremban di Masjid Kariah Taman Paroi Jaya, Seremban, semalam.

(Foto Azrul Edham/BH)

kumpulan M40 pula sebanyak RM19,152 dan T20 akan dikenakan bayaran penuh kos menunaikan haji iaitu RM33,300 seorang.

Seramai 31,600 jemaah layak menunaikan haji pada tahun ini dengan surat tawaran dan bayaran haji 1445H/2024M sudah mula dikeluarkan.

Dalam pada itu Zulkifli berkata, kenaikan kadar bayaran haji

tidak boleh dielakkan kerana pelbagai kekangan dihadapi TH termasuk kesan inflasi, penurunan kadar ringgit, pandemik COVID-19 dan Cukai Nilai Tambah (VAT) serta lain-lain.

“Bantuan kewangan itu menunjukkan komitmen kerajaan dan TH untuk meringankan beban jemaah. Kerajaan dan TH akan memastikan kenaikan kos

tidak menjadi beban kepada bakal jemaah haji tahun ini.

“TH memperuntukkan bantuan lebih 63 peratus, manakala RM1,000 diperuntukkan kerajaan. Bagi M40, lebih kurang 42 peratus. Ini menunjukkan kerajaan dan TH telah cuba dengan sepenuh usaha bagi membantu meringankan jemaah haji,” katanya.